



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN MARAN

26500 MARAN

PAHANG DARUL MAKMUR

## MODUL PENGESANAN TAHAP PENGUASAAN TAHUN 2021

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

2280/2

GEOGRAFI

Kertas 2

2 jam 30 minit

Dua jam tiga puluh minit

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian: **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**
2. Jawab **semua** soalan **Bahagian A** dan **Bahagian B** serta **dua soalan** daripada **Bahagian C**.
3. Jawapan bagi **Bahagian A** dan **Bahagian B** hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas peperiksaan. Manakala jawapan untuk **Bahagian C** hendaklah ditulis dalam helaian tambahan yang diberikan.
4. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik dan alat geometri.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa :			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	15	
	2	15	
B	3	10	
	4	10	
	5	10	
C	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah		100	

Nama :

Kelas :

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

2280/2


[Lihat halaman sebelah

SULIT

**BAHAGIAN A**  
**[ 30 markah ]**

*Jawab semua soalan*

**Soalan 1 hingga Soalan 5 berdasarkan peta topo siri 2280/2/2018. Kaji peta dengan teliti sebelum menjawab soalan berikut.**



- 1 (a) (i) Berapakah nilai ketinggian jalan raya yang paling tinggi dalam segi empat grid di atas?

.....meter [1 markah]

- (ii) Nyatakan rujukan grid 6 angka bagi lokasi tersebut

..... [2 markah]

- (b) Berapakah bearing masjid Kg. Pantai RG 924513 dari stesen trigonometri Bukit Lentik RG 858524?

..... [2 markah]


- (c) (i) Berapakah jarak jalan kereta api dari RG831620 ke Alur Anggus RG888549?

..... km [2 markah]

- (ii) Jelaskan fungsi pengangkutan kereta api dibangunkan di kawasan tersebut?

.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]



(d) Apakah peringkat aliran sungai dalam segi empat grid di atas?

.....

[1 markah]

(e) Pada pandangan anda, mengapakah kawasan pada garisan timuran 82 hingga garisan timuran 85 di dalam peta kurang mempunyai jaringan pengangkutan?

.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

**Soalan 2** merujuk Jadual 1 di bawah.

Jadual 1 di bawah menunjukkan bilangan pengeluaran hatcheri benih ikan air tawar mengikut negeri pada tahun 2019.

Negeri	Bilangan (Juta ekor)	
	Tilapia Merah	Keli
Kedah	5	12
Selangor	10	14
Negeri Sembilan	12	13
Sabah	5	3

*Sumber : Portal Jabatan Perikanan Malaysia*

- 2 (a) Berdasarkan jadual di atas, lukiskan sebuah graf bar berganda yang menunjukkan bilangan pengeluaran hatcheri benih ikan tilapia merah dan keli mengikut negeri tahun 2019. Gunakan skala 1 cm mewakili 1 juta ekor.

[8 markah]

- (b) Merujuk kepada graf bar berganda yang telah anda bina, huraikan bilangan pengeluaran hatcheri benih ikan air tawar mengikut negeri bagi tahun 2019.

.....  
 .....  
 .....  
 .....

[4 markah]


- (c) Pada pendapat anda, apakah Langkah-langkah yang boleh diambil untuk memajukan aktiviti akuakultur di Malaysia?

.....  
 .....  
 .....  
 .....

[3 markah]

**BAHAGIAN B**

[30 markah]

*Jawab semua dalam bahagian ini.***Soalan 3 (a)** berdasarkan Rajah 1 di bawah.

3 (a) Nyatakan proses yang terlibat dengan luluh hawa jenis T.

- (i) .....
- (ii) .....
- (iii) .....

[3 markah]


**Soalan 3 (b)** dan **(c)** berdasarkan Foto 2.

Foto 2

(b) Jelaskan kepentingan bentuk muka bumi dalam Foto 1 terhadap manusia.

.....  
 .....  
 .....  
 .....

[4 markah]

- (c) Apakah usaha pemeliharaan dan pemuliharaan untuk mengekalkan bentuk muka tersebut?

.....  
 .....  
 .....  
 .....

[3 markah]

**Soalan 4 (a)** berdasarkan Peta 1



Peta 1: Dunia

- 4 (a) Jelaskan perbezaan ciri-ciri iklim Negara X dan Negara Y.

Negara X: (i) .....  
 (ii) .....


Negara Y: (i) .....  
 (ii) .....

[4 markah]

- (b) Bagaimanakah cuaca dan iklim mempengaruhi kegiatan manusia di Negara X?

.....  
 .....  
 .....  
 .....

[3 markah]



Rajah 2

- (c) Apakah fenomena cuaca yang dapat dikaitkan dengan Rajah 2 dan mengapa fenomena tersebut berlaku?

.....  
 .....  
 .....  
 .....

[3 markah]

**Soalan 5** berdasarkan Foto 3 di bawah.



i. Kuala Lumpur - Tahun 1800

ii. Kuala Lumpur - Tahun 2020

Foto 3

- 5 (a) Namakan proses yang berlaku dalam Foto 3 di atas.

..... [1 markah]

- (b) Huraikan faktor yang menggalakkan proses perkembangan kawasan seperti Foto 3 (i) dan (ii)?

.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

- (c) Perkembangan sesebuah kawasan telah memberikan kesan positif dan negatif kepada manusia dan alam sekitar. Jelaskan kesan negatif tersebut terhadap alam sekitar.

.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

- (d) Sebagai pencinta alam sekitar, cadangkan langkah yang boleh diambil bagi mengatasi masalah akibat perkembangan kawasan tersebut supaya menjadi kawasan yang lestari dan mesra alam?

.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

**Bahagian C**  
**[40 Markah]**

Jawab mana-mana **dua** soalan.

- 6 (a) Jelaskan dua jenis migrasi antarabangsa [4 markah]
- (b) Mengapakah migrasi masuk ke Malaysia semakin meningkat? [6 markah]
- (c) Terangkan kesan migrasi antarabangsa di Malaysia. [6 markah]
- (d) Salah satu kesan migrasi di bandar ialah wujudnya petempatan setinggan.  
 Jika anda salah seorang Pegawai Penguasa Tempatan, cadangkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah setinggan di bandar-bandar tersebut. [4 markah]


- 7 (a) Jadual berikut adalah statistik yang menunjukkan kadar kelahiran di negara M pada tahun 2005 hingga 2007.

Tahun	2005	2006	2007
<b>Kadar kelahiran kasar</b> (Per seribu)	18.4	18.0	17.6

Jelaskan faktor yang mempengaruhi perubahan kadar kelahiran kasar seperti yang ditunjukkan dalam jadual di atas. [6 markah]

- (b) Apakah ciri-ciri negara lebihan penduduk? [4 markah]
- (c) Bagaimakah negara lebihan penduduk menyelesaikan masalah pertambahan penduduk di negara mereka? [6 markah]

**Soalan 7(d)** berdasarkan Rajah 1 piramid penduduk **negara X** tahun 2010 di bawah.



Rajah 3

- (d) Berdasarkan piramid penduduk negara X, jelaskan **lima** kesan yang akan dihadapi oleh negara X dalam membangunkan negara. [5 markah]
- 8 (a) Di peringkat akhir iaitu di bahagian hilir sungai, proses pemendapan lebih giat berlaku. Mengapakah proses pemendapan berlaku di bahagian ini? [4 markah]
- (b) Aktiviti manusia telah mengubah sifat semula jadi sungai. Jelaskan bagaimana aktiviti manusia boleh menyebabkan berlakunya pencemaran sungai. [6 markah]
- (c) Terangkan kesan terhadap alam sekitar dan manusia jika hujan tidak turun dalam satu tempoh yang panjang. [6 markah]
- (d) Pada pendapat anda apakah usaha bagi mengurangkan kesan fenomena di 8(c)? [6 markah]

9 (a) Pada Peta 2 di halaman 12, namakan negara bagi sumber tenaga boleh baharu berikut:

- (i) Tenaga Nuklear bertanda P
- (ii) Tenaga Geotermal bertanda Q
- (iii) Tenaga Ombak bertanda R
- (iv) Tenaga Biojisim bertanda S

[4 markah]



Foto 3

(b) Mengapa Malaysia memajukan sumber tenaga dalam Foto 3 di atas?

[6 markah]

(c) Kemukakan cadangan anda untuk mengurangkan pergantungan kepada bahan api fosil.

[4 markah]


(d) Terangkan kepentingan tenaga suria terhadap manusia dan pembangunan negara.

[6 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

**GEOGRAFI KERTAS 2**

**Peta 2** untuk soalan No.8(a) pada halaman 10  
(Hendaklah diikat bersama-sama dengan buku jawapan)



P	R
Q	S